

14/05/2003

Pentingnya mendekati generasi muda dengan ikhlas

Nurhawani Zamin

SAYA tertarik dengan tulisan Johan Jaafar bertajuk 'Memahami dan mendekati golongan muda' dalam ruangan 'Di Luar Lingkaran' yang disiarkan dalam Berita Minggu, Ahad lalu.

Tulisan beliau tepat pada masanya. Sering kali saya perhatikan golongan muda tidak menerima apa yang sepatutnya, walaupun dengan kedudukan mereka sebagai golongan majoriti penduduk Malaysia. Kebiasaannya, golongan ini dijadikan sasaran kritikan kebanyakan pihak sebagaimana disifatkan penulis 'lambakan masalah sosial masyarakat'. Sesuatu yang mungkin amat kurang disedari ialah akan 'keajaiban' yang dapat ditonjolkan golongan ini, sesuatu yang kemungkinan berada di luar sedar kebanyakan pihak.

Tidaklah perlu pergi terlalu jauh. Saya berminat mengutarakan permasalahan pengangguran, khususnya di kalangan lepasan ijazah dan diploma yang agak kritikal.

Sesuatu yang saya namakan fenomena luar sedar ialah apabila keadaan seperti ini tidak ditangani sebaiknya oleh pihak berkenaan dan membuatkan siswazah menganggur ini tadi 'hidup' dalam pemberontakan.

Kehidupan sebagai siswazah menganggur semestinya tidak lari daripada sindiran yang mencabar kesabaran.

Sedangkan, di luar sedar, mereka inilah antara aset terpenting negara kini. Pelapis yang diharapkan untuk menyambung wawasan. Namun seandainya, dapat dilihat kecenderungan 'ke sebelah lain', apakah perlu mereka ini dipersalahkan? Sama sekali saya tidak bersetuju.

Sebagai tambahan, amat penting seandainya pendekatan 'mesra rakyat' diterapkan dalam diri setiap pemimpin tanpa membataskan definisi 'rakyat' itu sendiri.

Mungkin, bagi sesetengah, golongan muda ibarat sebesar zarah, walhal merekalah membentuk komposisi terbesar 'rakyat' itu tadi. Apabila golongan ini gagal dimenangi, gagal didekati, maka tiadalah gunanya dicanangkan pendekatan berkenaan.

Saya tidak dapat tidak secara peribadi masih meletakkan penghormatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas sikap dan peribadi beliau yang sememangnya 'mesra rakyat', tanpa mengira batasan umur, kaum dan agama.

Beliau mengukir senyuman yang sama dengan pemimpin dunia mahupun budak mentah belasan tahun, rakyat di negara pimpinannya.

Saya pernah bertemu beliau secara peribadi dan meyakini keikhlasannya yang tidak berganjak dalam mendekati rakyat pelbagai peringkat.

Di sini, bezanya di antara pemimpin yang punya karisma dan mungkin yang terkesima. Andai masih sempat, fahamilah kepentingan mendekati golongan muda ini tadi. Dan lakukanlah dengan ikhlas.

NURHAWANI ZAMIN,  
Gopeng, Perak.